



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperek@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 3 (69)

Tarikh : 21 Zulhijjah 1446H

18 Jun 2025M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

**Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 4 Tahun 2025**

**Panduan Pemfailan Perintah Dan
Format Perintah Dan Penghakiman
Dalam Prosiding Mahkamah Syariah Di Negeri Perak**

Saya ingin menarik perhatian YAA/YA/Tuan/Puan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Perak pada 28 Mei 2025 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan ini berhubungan dengan tatacara penyediaan perintah dan keseragaman format perintah atau penghakiman yang

dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Negeri Perak adalah sebagaimana Garis Panduan yang dilampirkan.

Arahan amalan ini berkuatkuasa serta merta.



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak

GARIS PANDUAN PEMFAILAN PERINTAH DAN FORMAT PERINTAH ATAU PENGHAKIMAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH SYARIAH DI NEGERI PERAK

NAMA

1. Garis Panduan ini dinamakan sebagai Garis Panduan Pemfailan Perintah Dan Format Perintah Dan Penghakiman Dalam Prosiding Mahkamah Syariah Di Negeri Perak

PEMAKAIAN

2. Garis Panduan ini terpakai bagi perintah dan penghakiman bagi prosiding Mal dan Jenayah di seluruh Mahkamah Syariah Negeri Perak.

TAFSIRAN

3. Dalam Garis Panduan ini, jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

‘Hakim’ merujuk kepada Hakim Mahkamah Utama Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah mengikut mana-mana yang berkenaan;

‘Mahkamah’ merujuk kepada Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah mengikut mana-mana yang berkenaan;

‘Pihak-Pihak’ merujuk kepada mana-mana pihak dalam sesuatu prosiding atau Peguam Syarie yang telah berwakalah bagi mewakili pihak-pihak dalam sesuatu prosiding.

PANDUAN PEMFAILAN PERINTAH DAN PENGHAKIMAN

A. PENYEDIAAN DRAF PERINTAH ATAU DRAF PENGHAKIMAN

4. Bagi pihak-pihak yang tidak diwakili Peguam, penyediaan draf perintah atau draf penghakiman akan disediakan melalui permohonan pihak-pihak, dan draf perlu disediakan Pendaftar tidak lebih daripada 14 hari daripada tarikh permohonan.
5. Draf perintah atau draf penghakiman hendaklah dipastikan betul sebagaimana perintah atau keputusan Hakim. Draf tersebut hendaklah diluluskan oleh Hakim sebelum perintah bersih dikeluarkan.
6. Sekiranya pihak-pihak diwakili peguam syarie, draf perintah hendaklah disediakan oleh peguam dan ditandatangani oleh pihak satu lagi. Bagi draf yang tidak ditandatangani oleh salah satu pihak, surat pemakluman yang menjelaskan perkara berikut hendaklah difailkan bersama draf tersebut:

- i) Draf telah dikemukakan kepada pihak yang tidak menandatangani;
 - ii) Draf tidak ditandatangani oleh pihak yang menerimanya setelah tamat tempoh 48 jam daripada draf dikemukakan kepadanya.
7. Mana-mana pihak boleh mendapatkan penjelasan atau klarifikasi berhubung dengan apa-apa draf yang menjadi persoalan (*draft in issue*) dengan memohon janji temu kepada Pendaftar mahkamah yang dalam keadaan berikut:
- i- Jika draf belum difailkan, janji temu dibuat menerusi pemakluman bertulis atau melalui sistem;
 - ii- Jika draf yang telah difailkan, pihak yang tidak menandatangani draf tersebut telah mengemukakan bantahan secara bertulis kepada mahkamah.
8. Bagi maksud perenggan 7, tempoh masa penetapan janji temu ditetapkan dalam tempoh 5 hari daripada permohonan janji temu di hadapan Pendaftar mahkamah berkenaan.
9. Bagi draf yang tidak dapat diselesaikan oleh Pendaftar, tarikh janji temu di hadapan Hakim adalah berdasarkan kesesuaian dan arahan Hakim.
10. Penyediaan perintah jenayah tidak perlu disediakan oleh Pendakwa Syarie atau Peguam Syarie.

B. PERINTAH BERSIH ATAU PENGHAKIMAN BERSIH

10. Pihak-pihak hendaklah memastikan Perintah bersih atau Penghakiman Bersih (Perintah Bersih) hanya boleh difailkan setelah draf diluluskan oleh mahkamah dan kandungan perintah bersih adalah sama sebagaimana draf yang telah diluluskan oleh Mahkamah.
11. Pihak-pihak boleh mendapatkan perintah bersih yang dikeluarkan oleh Mahkamah dalam tempoh 4 hari bekerja daripada tarikh Perintah bersih difailkan.
12. Pihak-pihak hendaklah memastikan Perintah bersih yang dikeluarkan oleh Mahkamah adalah lengkap dimeterai, bertarikh dan ditandatangani oleh Hakim/Ketua Pendaftar/Pendaftar/Timbangan Pendaftar/Penolong Pendaftar Mahkamah yang berkenaan.

FORMAT PERINTAH DAN PENGHAKIMAN

13. Pihak-pihak hendaklah memastikan pematuhan terhadap format Perintah dan Penghakiman seperti yang berikut:

- (a) Tajuk (Heading) Perintah dan Penghakiman-

- (i) Hendaklah sama seperti mana tajuk dalam tindakan yang difailkan;
 - (ii) Nama Mahkamah dan Daerah dalam Negeri Perak yang mengeluarkan Perintah adalah betul;
 - (iii) Jenis Tindakan dinyatakan dengan jelas, sama ada ia adalah saman, atau permohonan, perintah rayuan.
- (b) Pihak-Pihak-
- (i) Nama pihak-pihak yang dinyatakan dalam prosiding tersebut hendaklah betul dan tepat sebagaimana dalam tindakan pemfailan.
 - (ii) Kad pengenalan/No Passport hendaklah dinyatakan di bawah nama Pihak-Pihak.
- (c) Hakim-
- (i) Gelaran Hakim seperti Yang Amat Arif Dato', Yang Arif Tan Sri, Datin, Dr. boleh dinyatakan.
 - (ii) Pingat dan Darjah Kebesaran seperti PMP, AMN, ACM, PJK tidak perlu dinyatakan.
 - (iii) Nama Hakim Mahkamah Utama Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah/ Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/ Hakim Mahkamah Rendah Syariah/ Ketua Pendaftar/ Pendaftar/Timbangan Pendaftar/ Penolong Pendaftar adalah sebagaimana dalam senarai rasmi dikeluarkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa.
- (d) Tarikh Perintah atau Penghakiman
- (i) Terletak di bahagian kiri Perintah atau Penghakiman tersebut;
 - (ii) Perkataan Haribulan tidak perlu dinyatakan;
 - (iii) Menggunakan perkataan 'Bulan' dan dieja penuh seperti contoh 25 Oktober 2025M;
 - (iv) Memasukkan bulan Hijriah dalam kalendar qamariah dan dieja penuh seperti contoh 17 Safar 1446H.
- (e) Jenis Prosiding
- (i) Jenis Prosiding sama ada **"DI MAHKAMAH TERBUKA"** atau **"DALAM KAMAR"** hendaklah dinyatakan;
 - (ii) Jenis prosiding dinyatakan di bahagian kanan Perintah atau Penghakiman;

- (iii) Jika prosiding dijalankan secara *online* atau melalui telekomunikasi jarak jauh, hendaklah dimasukkan perkataan "**Melalui Platform Online Google Meet/Zoom/Whatsap Video**" diletakkan di bawah **DI MAHKAMAH TERBUKA** atau "**DALAM KAMAR**".
- (f) Penggunaan perkataan "Perintah" atau "Penghakiman"-
- (i) Pihak-pihak hendaklah memastikan sama ada draf yang difailkan merupakan Perintah atau Penghakiman.
 - (ii) Perkataan "Perintah" hendaklah digunakan bagi prosiding yang menggunakan affidavit. Senarai affidavit yang digunakan dalam prosiding tersebut tidak perlu dinyatakan dalam perintah.
 - (iii) Perkataan "Penghakiman" hendaklah digunakan dalam bagi keputusan kes yang telah memuktamadkan sesuatu tindakan.
- (g) Bentuk Perintah atau Penghakiman hendaklah mengikut susunan format Borang MS28, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004.
- (h) Tarikh dibahagian bawah "**Bertarikh**" adalah tarikh perintah bersih yang dikeluarkan oleh Mahkamah.
- (i) Bahagian pengendorsan sebagaimana yang diperuntukkan dibawah subseksyen 135(5) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004 dinyatakan di bawah tandatangan Hakim/Pendaftar.
- (j) Ayat pendahuluan atau pembukaan Perintah atau Penghakiman -
- (i) menyatakan secara ringkas sahaja dengan memasukkan permulaan jenis prosiding yang sama ada **SAMAN**, **PERMOHONAN**, **RAYUAN** atau **SEMAKAN**. Seperti contoh '**SAMAN** ini didengar dan diputuskan/ditetapkan keputusan pada hari ini/ **PERMOHONAN** ini didengar dan ditetapkan keputusan pada hari ini/ **RAYUAN** ini didengar dan ditetapkan keputusan pada hari ini/ **SEMAKAN** ini didengar dan ditetapkan keputusan pada hari ini'.
 - (ii) Memasukkan fakta berkenaan kehadiran Pihak-Pihak sama ada hadir secara bersendirian atau diwakili Peguam Syarie, sekiranya dihadiri peguam syarie, menyatakan nama firma guaman, sekiranya tidak hadir, perlu juga menyatakan ketidakhadiran.
 - (iii) Ayat pendahuluan **TIDAK PERLU** memasukkan senarai pliding atau senarai affidavit yang dibaca atau didengar. Seperti contoh 'Setelah meneliti Pliding/Setelah membaca Affidavit Sokongan Pemohon, affidavit Balasan Responden' tidak dibenarkan.

- (iv) Sekiranya perintah atas persetujuan sama ada melalui perjanjian Sulh atau sidang pengantaraan mana-mana orang, hendaklah menyatakan berkenaan maklumat persetujuan, pegawai yang mengendalikan majlis sulh, seperti contoh 'di atas persetujuan bersama pihak-pihak di hadapan Pegawai Sulh bertarikh

CONTOH

ISI ATAU TERMA PERINTAH DAN PENGHAKIMAN BAGI KES PERCERAIAN

14. Terma-terma perintah dalam kes perceraian digunakan bagi pendaftaran atau pengeluaran rekod sijil cerai daripada pejabat Ketua Pendaftar/Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, Jabatan Agama Islam. Kandungan terma-terma dalam Perintah/Penghakiman kes-kes perceraian hendaklah mengandungi terma-terma berikut:

(a) Menyatakan sama ada mahkamah meluluskan atau menolak tuntutan/permohonan perceraian, yang mengandungi perkara berikut-

(b)

i) Jenis-jenis perceraian, seksyen dan peruntukan undang-undang;

ii) Jika perceraian diluluskan, sebab-sebab perceraian yang disabitkan Hakim secara ringkas. Bagi kes pengesahan cerai, tidak perlu menyatakan alasan atau sebab perceraian.

iii) Sebab-sebab perceraian hendaklah menggunakan frasa ayat yang diperuntukkan dalam undang-undang. Seperti contoh dengan alasan 'tidak memperuntukkan nafkah melebihi 3 bulan', 'tiada persefahaman' dan tidak mengandungi pernyataan yang mengaibkan mana-mana pihak.

(b) Sekiranya kes-kes berkaitan pengesahan perceraian, hendaklah menyatakan mahkamah mengesahkan lafaz daripada suami yang menyebabkan jatuh talak atau tidak.

(c) Mengandungi ayat perintah mensabitkan perceraian Pihak-Pihak beserta maklumat berikut-

i) Tarikh pensabitan talak dengan menyatakan tarikh masihi dan tarikh hijri;

ii) Jenis perceraian yang berlaku sama ada talak rajie atau *bain* (sughra atau kubra)

ii) Bilangan talak;

(c) Menyatakan alamat tempat tinggal Pihak-Pihak seperti mana dalam tuntutan/permohonan.

(d) Memasukkan perintah iddah atau tidak beriddah akibat daripada perceraian. Sekiranya beriddah, hendaklah menetapkan tempoh permulaan iddah berdasarkan keadaan isteri seperti suci/haidh/mengandung mengikut kiraan hijriah.

(e) Memerintahkan pihak-pihak tinggal berasingan; dan

(f) Perintah supaya Pejabat Agama Islam Daerah yang berkenaan supaya mendaftarkan perceraian tersebut.

PENGHAKIMAN [Tajuk tuntutan cerai]

SAMAN ini didengar dan ditetapkan keputusan pada hari ini dengan kehadiran Plaintif yang beralamat didan Kehadiran Defendan yang beralamat di

MAKA MAHKAMAH MENGHAKIMKAN SEPERTI BERIKUT:

1. Mahkamah meluluskan tuntutan Plaintif/Defendan untuk bercerai berdasarkan seksyen Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 dan membenarkan Defendan melafazkan talak dengan alasan.
 - i. [alasan perceraian]
2. Mahkamah mensabitkan perceraian secara ta'liq/khulu' berjumlah [amaun khulu']/membubarkan perkahwinan (fasakh) antara Plaintif dan Defendan dengan talak satu/dua/tiga kali pertama/kedua/ketiga secara talak rajie/bain sughra/bain kubro mulai tarikh [hijriah] bersamaan [qamariah].
3. Mahkamah memerintah Plaintif/Defendan beriddah selama 3 kali suci/3 bulan/sehingga melahirkan anak dan diperintahkan tinggal berasingan mulai [tarikh].
4. Perceraian ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Islam Daerah [daerah].